

24 JUL 2003

Wanita-HIV/I

WANITA BERHAK TOLAK KEHENDAK SEKS PASANGAN DIJANGKITI HIV

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Wanita di negara ini perlu diberi hak untuk menolak melakukan hubungan kelamin dengan pasangan masing-masing yang menjadi pembawa kuman HIV bagi menjamin mereka tidak dijangkiti kuman itu.

Dalam nada yang sama, tiga pemimpin wanita utama Malaysia iaitu Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Wanita MCA yang juga Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Ng Yen Yen dan Pengerusi Majlis AIDS Malaysia (MAC) Datin Paduka Marina Mahathir hari ini melahirkan pendapat mereka tentang perlunya kaum wanita diberi hak untuk menjamin kesihatan mereka.

Ketiga-tiga pemimpin itu juga berkata langkah itu perlu dilaksanakan bagi mengurangkan jumlah wanita yang dijangkiti HIV di negara ini.

Mereka membuat kenyataan itu pada sidang media selepas pelancaran projek " Wanita MCA Iceberg II- A Message of Love and Hope" oleh Shahrizat di sebuah kompleks beli-belah di sini.

Melalui projek berkenaan, penerangan bergerak akan diadakan di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran wanita keturunan Cina tentang bahaya HIV/AIDS.

Marina berkata walaupun jumlah wanita yang dijangkiti HIV/AIDS di negara ini masih rendah, namun apa yang membimbangkan ialah jumlahnya telah meningkat daripada hanya sembilan orang pada 1990 kepada 629 tahun lepas.

"Ia adalah satu peningkatan besar dan jumlah ini tidak termasuk mereka yang tidak didaftarkan," kata beliau.

Tahun lepas, sebanyak 51,256 kes jangkitan HIV dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah itu, 7,218 disahkan sebagai AIDS dan melibatkan 5,424 kematian.

Menurut kementerian itu, jumlah kes baru yang direkodkannya meningkat hampir 46 peratus iaitu kepada 1,218 tahun lepas berbanding 834 pada 2001.

Mengenai keperluan mewujudkan rumah perantara bagi kanak-kanak dan wanita yang keluarga mereka dijangkiti HIV, Shahrizat berkata kementerian berkenaan akan menyediakannya apabila keadaan memerlukan.

Marina pula berkata kini, MAC menjaga kira-kira 300 wanita dan kanak-kanak yang keluarga mereka terlibat dengan kes HIV.

Bagaimanapun, berdasarkan anggaran Program Bersama Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai HIV/AIDS (UNAIDS) awal tahun ini bahawa 14,000 kanak-kanak di negara ini menjadi anak yatim akibat AIDS, keperluan menubuhkan rumah perantara perlu diberi perhatian yang sewajarnya, kata beliau.

Shahrizat juga hari ini melancarkan buku maklumat mengenai HIV/AIDS terbitan MCA dalam bahasa Mandarin dan Inggeris sebagai satu daripada usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Cina tentang bahaya penyakit itu.

Ng berkata projek Iceberg II merupakan lanjutan kepada projek seumpamanya yang dilancarkan pada 2001 yang bertujuan mendidik dan menyebarkan maklumat tentang HIV/AIDS kepada murid sekolah jenis kebangsaan dan sekolah Cina lain di seluruh negara.

Tahun lepas, 14.4 peratus daripada jumlah jangkitan HIV dan 27.7 peratus jumlah kes AIDS di negara ini membabitkan masyarakat Cina.

-- BERNAMA

HK JM SP RON